

Runtuhan tanah makin membesar

Orang ramai terdedah kepada kemalangan

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bharian.com.my

SIKAMAT: Kejadian tanah runtuh yang berlaku di tepi jalan utama Taman College Height di sini, merealisasikan bukan saja penduduk taman itu, malah pengguna yang melalui jalan berkenaan setiap hari berikutan terdedah kepada kemalangan.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman College Height, Taslim Khan Kutob Din, berkata keadaan itu mula dikesan pada pertengahan Januari lalu bermula dengan runtuhan kecil yang kini semakin besar hingga membabitkan sebahagian jalan utama berikutan hujan sejak beberapa hari lalu.

Beliau berkata, pihaknya bimbang kawasan itu menjadi lebih besar berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu sejak kebelakangan ini.

"Memandangkan laluan ini sentiasa sibuk setiap hari apabila dilalui lebih 150 kenderaan termasuk bas sekolah, selain

menjadi laluan menghubungkan antara taman ini dengan Taman Desa Kiara dan ke pusat bandar Seremban, kejadian tanah runtuh semanganya membahayakan orang ramai.

"Kami sudah memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Seremban (MPS) berhubung masalah itu sebaik mendapati

“Saya berharap pihak berkuasa tempatan bertindak segera membaiki kawasan runtuhan itu sebelum kejadian tidak diingini berlaku”

**Taslim Khan
Kutob Din**
Pengerusi KRT Taman
College Height

runtuhannya semakin membesar kerana bimbang dengan keselamatan orang ramai, tetapi sehingga kini masih belum ada apa-apa tindakan," katanya.

Beliau berkata demikian pada lawatan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan di lokasi itu yang turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian, Warisan dan Adat Istiadat Melayu negeri, Datuk Mohamad Razi Kail.

Taslim Khan berkata, pihaknya sudah memasang penghalang di lokasi itu sebagai langkah keselamatan dan peringatan kepada orang ramai supaya berhati-hati ketika melalui jalan berkenaan.

Katanya, Selasa lalu, kakitangan bahagian teknikal MPS sudah melihat sendiri keadaan tanah runtuh terbabit dan berjanji membaikinya dengan segera.

"Saya berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) bertindak segera membaiki kawasan runtuhan itu sebelum kejadian



MOHAMAD (kiri) meninjau kawasan tanah runtuh di Taman College Height, Sikamat.

tidak diingini berlaku," katanya.

Sementara itu, Mohamad ketika ditemui selepas melawat kawasan berkenaan, menjelaskan pihaknya baru saja dimaklumkan mengenai keadaan itu

Jumaat lalu dan sudah mengarahkan MPS bertindak segera untuk membaikinya.

"Saya sudah berhubung dengan Yang Dipertua MPS, Datuk Abd Halim Abd Latif dan beliau berjanji bertindak

segera, selain memaklumkan tender akan dikeluarkan secepat mungkin bagi membolehkan perlantikan kontraktor dibuat untuk melaksanakan kerja pembaikan tanah runtuh berkenaan," katanya.